

PANDUAN DAN PELAPORAN

PENSYARAH PELAWAT

INDUSTRI (PPI) TAHUN 2019



AZRINAWATI BT SAMAON
Ketua Program DET

Terbitan Pertama 2021

**PANDUAN DAN PELAPORAN
PENSYARAH PELAWAT INDUSTRI (PPI)
TAHUN 2019**



Jabatan Kejuruteraan Elektrik
Politeknik Port Dickson
KM 14, Jalan Pantai, 71050 Si Rusa
Negeri Sembilan
No. Tel : 06-662 2000
No. Faks: 06-662 2026
www.polipd.edu.my

Terbitan Pertama 2021

Hak Cipta Terpelihara

Mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tidak dibenarkan ditiru, diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, atau di pindah dalam mana-mana cara, baik dengan cara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman atau sebaliknya, tanpa izin bertulis daripada Politeknik Port Dickson.

Diterbitkan oleh:

Politeknik Port Dickson
KM 14, Jalan Pantai, 71050 Si Rusa
Negeri Sembilan

eISBN

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

BAB 1: PENGENALAN	1
1.1 Latar Belakang	1 - 4
1.2 Rasional	5 - 6
1.3 Pelaksanaan Program PPI	7
1.4 Tujuan	8
BAB 2: PANDUAN PERANCANGAN PELAKSANAAN PROGRAM PPI	9
2.1 Pengenalan	9
2.2 Aktiviti Berimpak Tinggi	9 - 11
2.3 Format Perancangan PPI	11
BAB 3: PROSEDUR KERJA PELAKSANAAN PPI	12
3.1 Pengenalan	12
3.2 Prosedur Kerja Sebelum Program PPI	12 - 13
3.3 Prosedur Kerja Semasa Program PPI	14
3.4 Prosedur Kerja Selepas Program PPI	15
BAB 4: AKTIVITI DAN PELAPORAN PPI JKE TAHUN 2019	16
4.1 Pengenalan	16
4.2 Pelaporan Program DET	16 - 19
4.3 Pelaporan Program DTK	20 - 22
4.4 Pelaporan Program DEP	23 - 26
4.5 Pelaporan Program DEG	27 - 31
4.6 Pelaporan Program DEQ	32 - 35
BAB 5: PEMANTAUAN DAN PENAMBAHBAIKAN	36
5.1 Pengenalan	36
5.2 Pencapaian Jam Interaksi PPI Mengikut Program Pengajian	36 - 40
5.3 Pelaporan Pencapaian KPI Kolaborasi Bersama Industri	40 - 42
5.4 Hasil Dapatan Refleksi Pelajar	42
5.4.1 Ceramah Akademik "Introduction to Next Generation Network (NGN)	43
5.4.2 Lawatan Akademik Ke Muzium Telekom, Kuala Lumpur	44
5.4.3 Kursus DC Motor & Motor Satu Fasa (Electrical Maintenance and Testing)	45 - 46
PENUTUP	46

KATA ALUAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Tahniah diucapkan kepada semua pensyarah yang terlibat dan ketua program DET (Diploma Kejuruteraan Elektrik) yang telah menghasilkan penerbitan *e-book* pelaporan Pensyarah Pelawat Industri (PPI) bagi Jabatan Kejuruteraan Elektrik Politeknik Port Dickson untuk sepanjang tahun 2019. Sesungguhnya dengan terhasilnya *e-book* ini boleh dijadikan rujukan dan panduan kepada pensyarah di Jabatan Kejuruteraan Elektrik.

Penghasilan *e-book* ini adalah hasil daripada pengumpulan semua program dan aktiviti lawatan akademik yang telah dijalankan di peringkat Jabatan Kejuruteraan Elektrik bagi semua program. Pihak jabatan amat menyokong usaha ini bagi kegunaan jabatan. Bagi menyahut cabaran sistem pendidikan dan menjadikan pembelajaran secara digital adalah norma baru dalam situasi pandemik Covid19. Ia menjadikan titik permulaan yang dilakukan untuk menghasilkan bahan dalam bentuk *e-book*.

Diharapkan dengan adanya *e-book* ini, akan dapat memberi dorongan dan menjadi panduan untuk pensyarah yang terlibat dalam melaksanakan kursus-kursus di bawah program masing-masing bagi mencapai KPI yang diperlukan oleh jabatan. Selain itu, dapat memberikan panduan proses sebelum, semasa dan selepas sesuatu program yang dilaksanakan. Contoh penyediaan pelaporan turut dilampirkan sebagai rujukan. Semoga dengan sedikit pengetahuan yang dikongsi dapat membantu aktiviti dilaksanakan mengikut tempoh pelaksanaan yang telah dirancang oleh jabatan.

Sekian, terima kasih

MUNIRAH BINTI MD NUJID

Ketua Jabatan

Jabatan Kejuruteraan Elektrik

Port Dickson, Negeri Sembilan

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Pelaporan secara e-book ini dihasilkan untuk memudahkan pensyarah di Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) menggunakannya sebagai bahan rujukan untuk penulisan pelaporan Pensyarah Pelawat Industri (PPI). Penerbitan secara *e-book* ini boleh dicapai melalui *QR code*. Penerbitan ini hasil pengumpulan kertas kerja dan pelaporan aktiviti sepanjang tahun 2019 daripada 5 program di Jabatan Kejuruteraan Elektrik di Politeknik Port Dickson iaitu:

Program Diploma Kejuruteraan Elektrik (DET)

Program Diploma Kejuruteraan Elektronik -Komputer (DTK)

Program Diploma Kejuruteraan Elektronik - Komunikasi (DEP)

Program Diploma Kejuruteraan Elektrik- Tenaga Hijau (DEG)

Program Diploma Kejuruteraan Elektrik- Kecekapan Tenaga (DEQ)

Program ini dilaksanakan setiap tahun bagi mencapai sasaran 30 jam interaksi PPI bagi setiap program yang perlu direkodkan bagi tujuan pemantauan pelaksanaan sasaran KPI yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dan untuk tujuan pemantauan audit.

Kandungan di dalam penerbitan ini dibahagikan mengikut program bagi memudahkan rujukan Ketua Jabatan, Ketua Program dan pensyarah yang terlibat. Sepanjang tahun 2019, program yang telah dilaksanakan adalah berbentuk perkongsian ilmu kepakaran daripada pihak industri seperti ceramah teknikal, kursus kemahiran dan aktiviti lawatan akademik.

Semoga dengan terhasilnya *e-book* ini akan dapat memberi inspirasi dan menjadi panduan kepada pensyarah bagi melaksanakan program PPI bagi memenuhi salah satu 10 lonjakan yang terdapat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 iaitu lonjakan ke 4 keberhasilan Graduan TVET Berkualiti. Pelaksanaan program dan aktiviti di jabatan adalah untuk meningkatkan pengetahuan berkenaan teknologi dan ilmu berkaitan dengan IR 4.0 di kalangan pensyarah dan pelajar.

Sekian, terima kasih

AZRINAWATI BT SAMAON

Ketua Program DET

JAWATANKUASA PENERBITAN

PENASIHAT 1	
DR NOR HANIZA BINTI MOHAMAD Timbalan Pengarah (Akademik)	
PENASIHAT 2	
MUNIRAH BINTI MD NUJID Ketua Jabatan Kejuruteraan Elektrik Email: munirah@polipd.edu.my	
KETUA EDITOR	
AZRINAWATI BT SAMAON Ketua Program Diploma Kejuruteraan Elektrik (DET) Email: azrinawati@polipd.edu.my	
PENOLONG KETUA EDITOR	
LATENAZURAINI BINTI SAARI Email: latenazuraini@polipd.edu.my	
PENULIS BERSAMA (NAMA YANG TERLIBAT DGN PPI)	
MUHAMAD ZAHARI BIN TASLIM	NURUL HUDA BINTI JAMIL
JUMALIAH BINTI JAHURI	RAHAYU BINTI JONIT
MOHD IZHAR BIN AHMAD	NOOR ASILAH BINTI YAACOB
THIRUCHELVE A/P RAMASAMY	MOHD AZIRUDIN BIN SAHHUDIN
HAIROL SAMSOL BIN ITHNIN	UMMI KALSOM BINTI NOOR DIN
ROZANITA BINTI BAHARUDIN	AZRUL MUHAIRI BIN MOHD BADRI
NURFARHANAH BINTI OMAR	ZAMRI BIN ZAKARIA
KARTHEGA A/P SHANMUGAM	AMRAH BINTI MAT SAFRI
HASNIDA BINTI SAARI	AZILAH BINTI ASRI
FADZLIDA BINTI SHAMSUDIN	NURZAIMAWANI BINTI HUSSIN

BAB 1

PENGENALAN

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Latar Belakang

Politeknik di seluruh negara perlu sentiasa mempersiapkan pelajar dan warga pendidikannya bagi memenuhi keperluan industri yang sentiasa berubah. Perubahan yang berlaku akibat fenomena Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) yang memerlukan sumber manusia berpengetahuan dan berkemahiran tinggi agar daya saing dapat diperkasakan. Realiti hari ini menunjukkan bahawa pembangunan sumber manusia menjadi tumpuan utama organisasi dalam menangani perubahan persekitaran. Hal ini amatlah berhubung rapat dengan tuntutan keperluan IR 4.0 yang berasaskan teknologi komputer dan automasi. Sumber manusia perlu diberi pendedahan mengenai keperluan melengkapkan keupayaan diri masing-masing dalam menangani tuntutan IR 4.0. Semua ini boleh dicapai melalui jalinan antara industri dan akademik. Di mana dengan wujudnya hubungan ini, kurikulum yang digubal adalah mengikut teknologi terkini yang boleh memenuhi keperluan industri.

Jabatan Kejuruteraan Elektrik tidak ketinggalan menghadapi isu dan cabaran ini. Jabatan memainkan peranan penting dalam memberikan pendedahan awal kepada para pelajar. Pendedahan yang diberikan melalui perkongsian ilmu antara industri dan jabatan. Kepakaran industri dalam bidang tertentu disokong bersama para pelajar dalam program-program Pensyarah Pelawat Industri (PPI). Oleh yang demikian, Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Port Dickson telah melantik sejumlah 14 orang Penasihat Program dari kalangan industri yang berkaitan dengan program yang ditawarkan. Penasihat Program yang telah dilantik mempunyai peranan yang besar dalam membantu Politeknik Port Dickson dalam memantapkan kandungan kurikulum yang relevan dengan keperluan industri. Perkongsian teknologi dan perkongsian ilmu di antara jabatan dan pihak industri dapat menjalinkan dan memperbanyakkan hubungan kolaborasi dengan industri.

Sepanjang tahun 2019, JKE telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti antaranya mengadakan perkongsian ilmu kepakaran bersama industri seperti ceramah teknikal, kursus kemahiran dan lawatan industri di peringkat jabatan.

Tujuan utama pelaksanaan program adalah memberi nilai tambah dari segi perkongsian ilmu dan kemahiran berkenaan dengan IR 4.0 kepada pelajar-pelajar JKE melalui slot - slot ceramah industri PPI dan kursus kemahiran. Aktiviti - aktiviti ini telah dilaksana di dewan kuliah dan makmal JKE bergantung kepada keperluan program tersebut. Perkongsian ilmu daripada pihak industri berkenaan dengan teknologi terkini dan ilmu baru amat dihargai dan berguna kepada pihak politeknik. Program hari bersama industri adalah salah satu program yang dilaksanakan secara serentak bagi mencapai KPI jam interaksi dan di masa yang sama memudahkan semua pensyarah dan pelajar untuk terlibat dalam program tersebut.

Pelaksanaan program lawatan akademik ke industri turut dilaksanakan bagi memberi pendedahan kepada pensyarah dan pelajar keadaan sebenar kerja dan teknologi terkini yang digunakan dalam bidang industri serta ini memberi peluang kepada pelajar untuk merancang bidang kerjaya yang akan diceburi selepas tamat pengajian di politeknik.


Majlis Menandatangani Certificate Of Collaboration (Coc) JKE,PPD- Industri
20 MAC 2018



IAP DET



IAP DEG



IAP DTK



IAP DEQ



IAP DEP



tidak langsung memberi manfaat kepada program pengajian dan pelajar. Ini antara usaha pihak jabatan dalam memastikan graduan JKE mencapai kebolehpasaran tinggi dan sasaran KPI tercapai.



TERAS 1: Menghasilkan Graduan TVET Berkualiti
Menghasilkan Graduan Yang Mempunyai
Kebolehpasaran Tinggi

Kamus KPI 2019 berteraskan Pelan Strategik JPPKK 2018-2025

Selain daripada itu, setiap program pengajian di JKE perlu memenuhi keperluan akreditasi ETAC (*Engineering Technician Education Programme Accreditation Standard 2019*) sepertimana yang dinyatakan dalam Criterion 7 - *Quality Management System*, iaitu setiap program pengajian diploma perlu mewujudkan kolaborasi bersama industri. Melalui jaringan kolaborasi ini, pihak industri dapat membantu program dari segi perkongsian kepakaran ilmu dan teknologi serta kaedah pengajaran dan pembelajaran juga dapat dipelbagaikan. Secara tidak langsung impaknya dapat meningkatkan kualiti serta pencapaian hasil pembelajaran program seterusnya membantu program dalam menghasilkan graduan yang mempunyai kebolehpasaran tinggi dan memenuhi keperluan akreditasi ETAC.



**ENGINEERING TECHNICIAN
EDUCATION PROGRAMME
ACCREDITATION STANDARD 2019**

Effective for accreditation applications in 2019
Approved in 334th Board Meeting, 16th August 2018

Evidence of the on-going participation of industry advisors in discussion and forums, professional practice exposure, and collaborative projects.

(Engineering technology Accreditation Council, BEM 2019, page 27)

Manual ETAC (*Engineering Technician Education Programme Accreditation Standard 2019*)

Justeru itu, pelaksanaan aktiviti PPI menjadi satu aktiviti wajib bagi setiap program di JKE. Dalam usaha untuk memenuhi keperluan KPI Politeknik dan akreditasi ETAC, jabatan membuka ruang dan peluang kepada pegawai yang berlainan setiap tahun untuk mengendalikan aktiviti PPI memandangkan JKE mempunyai 5 program pengajian yang terdiri daripada 80 orang staf. Bagi menjamin keselarasan prosedur pelaksanaan aktiviti program bersama industri ini, maka panduan dan pelaporan PPI ini diterbitkan dalam bentuk *e-book* supaya ia menjadi sumber rujukan kepada pegawai yang memerlukan. Selain daripada itu, terbitan ini juga mengandungi segala laporan aktiviti PPI yang telah dilaksanakan pada tahun 2019 dan di masa yang sama boleh digunakan sebagai keperluan audit.

1.3 PELAKSANAAN PPI MENGIKUT SUKUAN DI PERINGKAT JABATAN

Pelaksanaan program PPI di jabatan boleh dipecahkan mengikut sukuan. Pecahan sukuan adalah seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1 di mana ianya di bahagikan kepada empat sukuan iaitu:

Sukuan I - pada bulan Januari hingga Mac.

Sukuan II - pada bulan April hingga Jun.

Sukuan III - pada bulan Julai hingga September

Sukuan IV - pada bulan Oktober hingga Disember.



Rajah 1 : Pelaksanaan PPI Mengikut Sukuan

Pelaksanaan program PPI seperti ceramah teknikal, kursus kemahiran dan lawatan akademik kebiasaannya mengikut sukuan I dan sukuan III kerana berdasarkan kepada Kalendar Akademik Politeknik. Bagi sukuan I berada di sesi kemasukan Dis 2018 dan sukuan III berada di sesi kemasukan Jun 2019 manakala sukuan II dan IV adalah pada masa peperiksaan akhir semester dan cuti semester. Perancangan pelaksanaan dan pengumpulan pelaporan akan dibuat berdasarkan kepada sukuan bagi menyesuaikan dengan masa pelajar dan pensyarah yang mengendalikan program PPI. Oleh kerana JKE terdapat 5 program, maka pelaksanaan program akan melibatkan pelajar dari kelima-lima program tersebut sekiranya program PPI mempunyai kaitan dengan kursus yang sama di dalam silibus. Sebagai contoh program yang melibatkan kursus Projek, *Efficiency Management*, *Semiconductor* dan lain-lain kursus. Selain itu, di masa yang sama pelajar dapat menerima pelbagai ilmu hasil perkongsian 30 jam PPI diantara kelima-lima program.

1.4 Tujuan

Berdasarkan kepada latar belakang, rasional dan pelaksanaan PPI mengikut sukuan, maka tujuan penerbitan ini adalah:

- i. Untuk menjadi satu platform rujukan kepada warga JKE dalam melaksanakan program PPI dari segi prosedur pelaksanaan program PPI.
- ii. Untuk menjadi satu sumber rujukan yang mudah diakses kerana ia disediakan dalam bentuk *e-book*.
- iii. Untuk mewujudkan satu mekanisme berpusat untuk pengumpulan pelaporan program PPI untuk tujuan pengauditan yang berkaitan dengan kolaborasi bersama industri.
- iv. Untuk menjadi satu platform rujukan pemantauan dan penambahbaikan kepada ketua jabatan, ketua program dan unit CISEC jabatan dalam memastikan kelangsungan pencapaian KPI politeknik bagi menghasilkan graduan TVET yang berkualiti.

BAB 2

PANDUAN PERANCANGAN PELAKSANAAN PROGRAM PPI

BAB 2

PANDUAN PERANCANGAN PELAKSANAAN PROGRAM PPI

2.1 PENGENALAN

Perancangan pelaksanaan program PPI adalah menjadi tugas utama kepada ketua program dalam merancang program-program bersama industri bagi pelaksanaan mengikut sukuan tahun berikutnya. Perancangan program ini akan melibatkan aktiviti /program yang hendak dilaksanakan bagi merancang industri yang akan bersama-sama menjayakan program sebagai keutamaan kepada penasihat program. Di masa yang sama, peruntukan kewangan bagi program dapat dirancang.

2.2 CADANGAN AKTIVITI BERIMPAK TINGGI

Berikut adalah cadangan aktiviti antara institusi dan pihak industri. Selain daripada ceramah teknikal, kursus kemahiran dan lawatan akademik, aktiviti kolaborasi industri berimpak tinggi adalah antara aktiviti yang boleh dirancang dalam bentuk usahasama yang berterusan dan memberi manfaat kepada program pengajian, warga institusi dan komuniti dalam tahun semasa.

Ketua program boleh merujuk contoh-contoh aktiviti kolaborasi industri berimpak tinggi dalam perancangan pelaksanaan program PPI. Aktiviti tersebut adalah seperti berikut :

- i. Program perkongsian ilmu oleh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) syarikat (pemimpin industri) yang dilantik oleh Menteri KPM melalui Program CEO@PolyCC.; **atau,**

- ii. Inisiatif menggunakan pendekatan experimental learning, production based education & training, competency based training atau problem based education dalam penghasilan produk atau pemberian perkhidmatan, seperti Penubuhan Industry Edu-Centre / WBL / Industry Centre di dalam institusi / Campus dalam industri.; **atau,**
- iii. Inisiatif yang berkebolehan menjana pendapatan, seperti Teaching Factory / Inkubator; **atau,**
- iv. Penajaan latihan tambahan / persijilan industri/ persijilan profesional kepada pelajar atau pensyarah, iaitu pelaksanaan latihan yang menghasilkan persijilan industri / persijilan profesional, di mana kos latihan ditanggung oleh industri sepenuhnya atau separuh kos dengan institusi.; **atau,**
- v. Sumbangan atau perkongsian peralatan, iaitu sumbangan peralatan PnP / sumbangan peralatan memudahkan PnP / sumbangan peralatan umum / biasiswa/ hadiah kecemerlangan pelajar / bantuan kewangan one-off pelajar atau pensyarah / perkongsian peralatan PnP / perkongsian peralatan memudahkan PnP / perkongsian peralatan umum / perkongsian tempat program.; **atau,**
- vi. Latihan Industri Berstruktur, iaitu Latihan Industri (LI) pelajar yang dilaksanakan atas persetujuan bersama industri dan institusi bagi:
- Pelaksanaan latihan tambahan (value added training) kepada pelajar sebelum LI dilaksanakan bersama penawaran pekerjaan sebaik tamat LI; atau,
 - Pelaksanaan latihan tambahan (value added training) sahaja kepada pelajar sebelum LI dilaksanakan; atau,
 - Penawaran pekerjaan sahaja sebaik tamat LI.; **atau,**
- vii. Penempatan pekerjaan dengan gaji permulaan mengikut kelayakan merujuk kepada penawaran pekerjaan ke atas bakal graduan Politeknik / Kolej Komuniti dengan gaji permulaan mengikut kelayakan iaitu minima RM1,500 bagi lepasan sijil / RM1,800 bagi lepasan Diploma.; **atau,**
- viii. (Sumber gaji: Panduan Gaji Permulaan 160 Pekerjaan Terpilih Berasaskan Kemahiran, Edisi Pertama (2016).; **atau,**

- ix. Research & Development (R&D) bersama industri yang melibatkan penghasilan produk / servis merujuk kepada kerjasama industri-institusi yang melibatkan R & D & I dan penghasilan produk.; **atau**,
- x. Pelantikan Jawatankuasa Penasihat Industri (IAC) baharu, iaitu, berlantikan Jawatan Kuasa Penasihat Industri Politeknik / Kolej Komuniti yang dilantik pada tahun semasa sama ada sebagai lantikan baharu / penyambungan keahlian dan yang dilantik oleh Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti (JPPKK).

2.3 FORMAT PERANCANGAN PPI

Dalam merancang pelaksanaan program PPI, ketua program boleh menggunakan format perancangan PPI sepertimana yang dinyatakan dalam Garis Panduan Pelaksanaan Pensyarah pelawat Industri (PPI).

BAB 3

STANDARD PROSEDUR PELAKSANAAN PPI

BAB 3

PROSEDUR KERJA PELAKSANAAN PROGRAM PPI

3.1 Pengenalan

Terdapat lima program pengajian di JKE iaitu program DET,DTK,DEP,DEG dan DEQ yang terdiri 80 orang staf. Ketua Jabatan JKE membuka peluang dan ruang kepada staf JKE untuk terlibat sama dalam menjayakan pelaksanaan program-program PPI. Bagi memastikan keselarasan prosedur kerja yang berterusan, prosedur kerja ini disediakan untuk dijadikan rujukan kepada staf.

3.2 Prosedur Kerja SEBELUM Program PPI

BIL	SOP	RUJUKAN	TINDAKAN
SEBELUM AKTIVITI			
1.	Orang yang bertanggungjawab (<i>PIC</i>) perlu menyediakan item tersebut : a. Sediakan kertas kerja dan disemak oleh ketua program: ● Perlu nyatakan kursus/subjek yang terlibat. ● Disemak oleh ketua program. ● Disahkan oleh ketua jabatan. ● Diluluskan oleh Tuan Pengarah/ Timbalan Pengarah Akademik/ Timbalan Pengarah Sokongan Akademik. b. Perlu buat 2 salinan untuk dihantar ke 'kewangan aktiviti pelajar' di jabatan perdagangan - selesai dalam tempoh 3 hari. c. Bayaran diterima menggunakan <i>system e-Banker</i>. Butiran berikut perlu dinyatakan di muka hadapan kertas kerja: ● Nama pemohon/syarikat ● No. Akaun ● Nama bank.	Format Baru (Muka Hadapan) Kertas Kerja	PIC
2.	<i>PIC</i> perlu sediakan surat permohonan kepada industri berserta no rujukan Pengesahan Surat permohonan ceramah perlu atas nama Tuan Pengarah sahaja .	Format Surat Permohonan PPI no rujukan dapatkan pada S/U jabatan	PIC

BIL	SOP	RUJUKAN	TINDAKAN
SEBELUM AKTIVITI			
5.	PIC perlu sediakan Borang tuntutan sekiranya menggunakan OS29. Maklumkan kepada PPI untuk menyediakan perkara berikut: ● Salinan Kad Pengenalan ● Salinan Buku Akaun (Tertera Nama & No Akaun) atau ● Salinan akaun online banking (Tertera Nama & No Akaun) ● Salinan slip gaji (Kakitangan Kerajaan) ● Salinan Sijil Akademik (Swasta)	Folder Borang Tuntutan (Claim Form). Cetak menggunakan kertas berwarna biru . Kadar bayaran rujuk folder Borang Tuntutan	PIC
6.	PIC sediakan borang refleksi pelajar	Borang refleksi pelajar	PIC

3.3 Prosedur Kerja SEMASA Program PPI

BIL	SOP	RUJUKAN	TINDAKAN
SEMASA AKTIVITI			
1.	PIC perlu sediakan senarai kehadiran pelajar dan ambil tandatangan pelajar	Senarai kehadiran pelajar yang bertandatangan	PIC
2.	Ambil Gambar Aktiviti		PIC
3	PIC Dapatkan refleksi pelajar		PIC
4.	a. PIC perlu pastikan Borang Tuntutan OS29 lengkap bersama lampiran b. Borang Tuntutan yang lengkap dengan Tandatangan Hidup Penceramah/Fasilitator *Bahagian ii Perlu Diisi Oleh Ketua Jabatan/Majikan Penceramah *Hanya Jika Bekerja Sendiri Atau Tiada Majikan, KULPL/PLPL Boleh Sahkan	Folder Borang Tuntutan (Claim Form) berwarna biru	PIC

3.4 Prosedur Kerja SELEPAS Program PPI

BIL	SOP	RUJUKAN	TINDAKAN
SELEPAS AKTIVITI			
1.	Hantar Borang Tuntutan Bersama Senarai Semak Tuntutan Penceramah PPI kepada ketua program untuk disemak Setelah lengkap hantar ke ULPL * Pastikan Hantar Sebulan Selepas Program/ Sebelum 5hb bulan berikutnya	Senarai semak tuntutan Penceramah PPI- folder Borang Tuntutan	PIC
2.	Sediakan Laporan Aktiviti * Sertakan Gambar, Senarai Kehadiran Dan Refleksi Pelajar	Format Pelaporan Aktiviti PPI	PIC
3.	Hantar kepada Ketua Program a. Kertas Kerja b. Surat Jemputan c. Bukti setuju terima Industri d. Senarai Kehadiran Pelajar Bertandatangan e. Refleksi Pelajar Terhadap Aktiviti f. Gambar g. Laporan Aktiviti h. Berserta Borang Semakan Perlaksanaan Aktiviti PPI *Hantar dalam tempoh 7 hari bekerja	Cetak Borang Semakan Pelaksanaan Aktiviti PPI	PIC
4.	Ketua program terima maklumat dan disimpan dalam fail PPI untuk Audit POLYPMO	Fail PPI	
5.	Ketua program kemas kini aktiviti PPI	Senarai Aktiviti PPI mengikut Tahun	

BAB 4

AKTIVITI DAN PELAPORAN PPI JKE TAHUN 2019

BAB 4

AKTIVITI DAN PELAPORAN PPI JKE TAHUN 2019

4.1 Pengenalan

Bab ini mengandungi pelaporan aktiviti PPI bagi setiap program yang mana maklumat program boleh diperolehi di sini untuk tujuan rujukan dan pengauditan. Ia mudah diakses kerana di setiap program akan disediakan 'link' untuk akses laporan penuh bagi setiap program PPI.

Selain daripada itu, ketua program boleh menggunakan maklumat di *e-book* untuk membuat pemantauan dan penambahbaikan pelaksanaan program PPI yang telah dijalankan bersama pihak industri.

4.2 Pelaporan Program DET- DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRIK

Sinopsis Program DET

Program diploma kejuruteraan elektrik direkabentuk memenuhi disiplin kejuruteraan elektrik merangkumi prinsip elektrik dan elektronik, asas komputer dan pengaturcaraan, rekabentuk bantuan komputer, peranti semikonduktor, pendawaian, sistem kuasa, mesin elektrik dan *programmable logic controller* (PLC). Unsur teknologi hijau juga dimasukkan dalam kurikulum untuk memberi kesedaran tentang pentingnya tenaga lestari. Kursus pengkhususan merangkumi silibus *motor control and drives, power system protection, power electronics, electrical maintenance* dan projek.

Ringkasan Pelaporan Program PPI DET

Bagi mengukur pencapaian lonjakan PPI ini, terdapat **EMPAT (4)** strategik telah dikenal pasti dan salah satu daripada strategi tersebut adalah “Kurikulum Berlandaskan Industri”. Berlandaskan kenyataan tersebut program DET telah melantik **penasihat industri program** yang bertindak sebagai penasihat untuk semakan kurikulum dan aktiviti program PPI.

Jadual 4.2 : Ringkasan Pelaporan Program PPI DET

NAMA INDUSTRI		NAMA PENASIHAT INDUSTRI PROGRAM	
Unijana JV Sdn. Bhd		Abdullah Bin Morad	
Acson Malaysia Sales & Service Sdn Bhd		Leong Weng Shung	
NAMA INDUSTRI LAIN		NAMA PENCERAMAH INDUSTRI	
Legasi Mega Resources		Helmi Zakuan Bin Haroon Fahmie	
Pedas Training & Consultancy Sdn Bhd		S Nyanapragasam	
RINGKASAN PELAPORAN PROGRAM PPI			
BIL	PERKARA		
1.	KURSUS ASAS PEMBACAAN PELAN LITAR ELEKTRIK BANGUNAN Objektif : i. Memahami prosedur pembacaan pelan litar elektrik bangunan. ii. Mengaplikasikan kemahiran dalam membangunkan pelan pendawaian elektrik satu fasa dan tiga fasa. iii. Mengaplikasikan kemahiran dalam senggaraan dan baik pulih pendawaian elektrik satu fasa dan tiga fasa. Tarikh : 8 Februari 2019 Tempat : Dewan Kuliah 6 Bilangan Peserta : 60 orang pelajar semester 5 Jam Interaksi PPI : 8 jam Syarikat : Unijana Sdn Bhd		

RINGKASAN PELAPORAN PROGRAM PPI	
PERKARA	
2.	DC MOTOR & MOTOR SATU FASA (ELECTRICAL MAINTENANCE AND TESTING) Objektif : i. Memberi pendedahan kepada pelajar melalui aktiviti perkongsian ilmu dengan pihak industri berkenaan dengan teknologi-teknologi terkini yang berada di industri. ii. Meningkatkan kemahiran pelajar dalam pengendalian motor. iii. Memberi pendedahan dan nilai tambah pengetahuan elektrik kepada pelajar selain daripada program DET dan DEG iv. Meningkatkan jam interaksi PPI bagi JKE Tarikh : 15 Mac 2019 Tempat : Makmal E005 (Makmal Elektronik Kuasa) Bilangan Peserta : 40 orang Jam Interaksi PPI : 3 jam Syarikat : Unijana Sdn Bhd
3.	KURSUS EQUIPMENT MAINTENANCE - MAIN SWITCHBOARD Objektif : i. Memahami peralatan yang terdapat di dalam “Main Switchboard”. ii. Mengaplikasikan kemahiran dalam pengiraan saiz kabel dan saiz MCCB yang sesuai digunakan dalam “Main Switchboard”. iii. Mengaplikasikan kemahiran dalam senggaraan pengujian “Main Switchboard”. Tarikh : 26 Januari 2019 Tempat : Dewan Kuliah 6. Bilangan Peserta : 60 orang pelajar semester 5 Jam Interaksi PPI: 8 jam Syarikat : Legasi Mega Resources
4.	BICARA SISTEM KAWALAN MOTOR DAN PEMACU (MOTOR CONTROLS AND DRIVES) Objektif : i. Memberi pendedahan kepada pelajar melalui aktiviti perkongsian ilmu dengan pihak industri berkenaan dengan teknologi-teknologi terkini yang berada di industri. ii. Meningkatkan kemahiran pelajar dalam pengendalian motor. iii. Memberi pendedahan dan nilai tambah pengetahuan elektrik kepada pelajar selain daripada program DET dan DEG iv. Meningkatkan jam interaksi PPI bagi JKE Tarikh : 8 Mac 2019 Tempat : Dewan Kuliah 6 dan Makmal E002 (Makmal Elektrik Kuasa) Bilangan Peserta : 60 orang pelajar. Jam Interaksi PPI: 3 jam



4.3 Pelaporan program DTK- DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (KOMPUTER)

SINOPSIS

Direkabentuk memenuhi disiplin kejuruteraan elektronik. Pengkhususan dalam teknologi komputer yang merangkumi asas elektrik dan elektronik, asas komputer dan pengaturcaraan, peranti semikonduktor dan rekabentuk bantuan *komputer*. Kursus pengkhususan merangkumi *microprocessor fundamental, computer architecture and organization, database system, operating system, internet based controller, computer diagnosis and maintenance, CMOS IC design and fabrication* dan projek.

RINGKASAN PELAPORAN PROGRAM PPI DTK

Bagi mengukur pencapaian lonjakan ini, terdapat **EMPAT (4)** strategik telah dikenal pasti dan salah satu daripada strategi tersebut adalah “Kurikulum Berlandaskan Industri”. Berlandaskan kenyataan tersebut program DTK telah melantik **penasihat industri program** yang bertindak sebagai penasihat untuk semakan kurikulum dan aktiviti program PPI.

Jadual 4.3 : Ringkasan Pelaporan Program PPI DTK

NAMA INDUSTRI	NAMA PENASIHAT INDUSTRI PROGRAM
Astana Digital Sdn Bhd	Saiful Azmi Bin Hamzah
Invent Technologies Sdn Bhd	Azmi Bin Abu Noor
Orien Net Solution Sdn Bhd	Sahrulmizal Ali Basah

NAMA INDUSTRI LAIN	NAMA PENCERAMAH
---------------------------	------------------------

TIADA	TIADA
-------	-------

RINGKASAN PELAPORAN PROGRAM PPI

BIL	PERKARA
1.	AWESOME ARDUINO PROJECT Objektif : i. Memperkenalkan Arduino sebagai platform open source yang boleh digunakan untuk teknologi Internet of Things (IOT). ii. Memberi pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar untuk mencipta projek yang berinovasi dan berimpak tinggi menggunakan aplikasi Arduino. iii. Memberi pengetahuan dan kemahiran memprogramkan Arduino mengikut aplikasi yang dikehendaki Tarikh : 7 Mac 2019 Tempat : Makmal E006 JKE Bilangan Peserta : 18 orang pelajar Jam Interaksi PPI: 3 jam Syarikat : Myinvent Technologist Sdn Bhd



4.4 Pelaporan program DEP- DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (KOMUNIKASI)

SINOPSIS

Direkabentuk dengan kejuruteraan elektronik. Pengkhususan dalam teknologi komunikasi yang merangkumi, asas elektrik dan elektronik, asas komputer dan pengaturcaraan, asas sistem komunikasi, peranti semikonduktor, dan rekabentuk bantuan komputer. Kursus pengkhususan meliputi *telecommunication network, fibre optic communication system, data communication and networking, wireless communication and microwave devices*.

RINGKASAN PELAPORAN PROGRAM PPI DEP

Bagi mengukur pencapaian lonjakan ini, terdapat **EMPAT (4)** strategik telah dikenal pasti dan salah satu daripada strategi tersebut adalah “Kurikulum Berlandaskan Industri”. Berlandaskan kenyataan tersebut program DEP telah melantik **penasihat industri program** yang bertindak sebagai penasihat untuk semakan kurikulum dan aktiviti program PPI.

Jadual 4.4 : Ringkasan Pelaporan Program PPI DEP

NAMA INDUSTRI	NAMA PENASIHAT INDUSTRI PROGRAM
THREE-OPP (M) Sdn Bhd	Mohamed Shajahan Bin Mohd Iqbal
Jana Atur Sdn Bhd	Mohamed Fidaus Bin Mohamed Shah
Malaysian Amateur Radio Transmitter Society (MARTS)	Ir Mohd Aris Bin Bernawi (9M2IR)
FMD Services Sdn Bhd	Muhammad Farhan Bin Mat Daud
NAMA INDUSTRI LAIN	NAMA PENCERAMAH
Telekom Malaysia Bhd	Mohd Shahir Bin Mohamad Shuhaimi
BP Malaysia Bhd	Pn Noraslinda Binti Mohamad Ali
Allnex Malaysia Sdn. Bhd	Muhd Helmi Bin Ansar
Telekom Malaysia Bhd (Muzium Telekom)	Mohd Fahmi Izzat Bin Che Khalid
Telekom Malaysia Bhd (Cyberjaya)	Mohd Armi Bin Mohd Akib
Malaysia Airport Berhad (MAB) KLIA2	Mohd Jasli Bin Alias

RINGKASAN PELAPORAN PROGRAM PPI	
BIL	PERKARA
1.	CERAMAH AKADEMIK "INTRODUCTION TO NEXT GENERATION NETWORK (NGN)" Objektif : i. Memberi maklumat dan nilai tambah kepada pelajar-pelajar Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi) JKE, PPD terhadap perkembangan terbaru rangkaian ii. Pelajar-pelajar mendapat pengetahuan yang lebih tepat serta relevan daripada mereka yang berpengalaman dalam industri rangkaian iii. Memberi pendedahan awal kepada pelajar tentang keperluan kepakaran yang diperlukan di dalam pasaran tenaga kerja. Tarikh : 7 Mac 2019 Tempat : Dewan Kuliah 6, JKE Bilangan Peserta : 100 orang pelajar Jam Interaksi PPI: 3 jam Syarikat : Telekom Malaysia Bhd
